

SOALAN NO: 202

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS

SOALAN:

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) keberkesanan program 1MalaysiaGRIP serta sambutan oleh masyarakat; dan
- (b) bagaimana program ini boleh diperkukuhkan bagi meningkatkan kepakaran pekerja dalam bidang spesifik seterusnya meningkatkan kemajuan kerjaya dan pendapatan mereka ke tahap yang lebih tinggi.

PR-1352-T00776

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Bagi memberi peluang kepada pekerja mengikuti kursus-kursus persijilan/akreditasi daripada badan persijilan dalam negara dan antarabangsa yang akan meningkatkan kemahiran dan membolehkan majikan menawarkan gaji yang tinggi, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah melaksanakan program *1Malaysia Globally Recognised Industry and Professional Certification* (1MalaysiaGRIP). Pelaksanaan program ini menggunakan konsep *public-private partnership* di mana peruntukan bagi membiayai yuran latihan di bawah program ini adalah dari levi Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia Berhad dan juga peruntukan daripada Kerajaan.

2. Program 1MalaysiaGRIP telah pun tamat pada Disember 2016 dan sehingga 31 Disember 2016, seramai 24,100 peserta telah mengikuti program ini dengan 15,253 peserta daripada sektor perkhidmatan, 7,706 daripada sektor perkilangan, 868 daripada sektor pembinaan, 145 daripada sektor agrikultur, dan 128 daripada sektor perlombongan dan pengkuarian.

3. Analisa daripada *Tracer Study* yang dijalankan ke atas program 1MalaysiaGRIP mendapati:

- 83.3% majikan bersetuju untuk menghantar pekerja mereka pada masa akan datang untuk dilatih di pusat

latihan yang dihadiri pelatih semasa menjalani latihan di bawah program 1MalaysiaGRIP;

- 82.9% majikan bersetuju terdapat peningkatan dalam pengetahuan dan kemahiran pelatih dan 83.2% bersetuju pengetahuan dan kemahiran tersebut berjaya di aplikasikan dengan baik semasa kerja;
- 81.8% majikan bersetuju terdapat peningkatan dalam produktiviti pelatih dan 83.3% mendapati terdapat peningkatan dalam kualiti kerja yang di lakukan;
- 92.5% pelatih bersetuju terdapat peningkatan dari segi pengetahuan dan kemahiran mereka dan 94.1 % mendapati latihan yang dijalani bersesuaian dengan pekerjaan mereka. 92.1% telah pun mengaplikasikan kemahiran dan pengetahuan yang diperoleh daripada latihan yang dihadiri;
- 12% pelatih telah mendapat kenaikan pangkat dalam masa enam (6) bulan selepas menjalani latihan walaupun tiada peningkatan ketara kepada gaji pelatih sebelum dan selepas menjalani latihan dalam tempoh singkat ini.
- 77.7% bersetuju latihan yang dijalani telah membantu dalam meningkatkan kemajuan kerjaya mereka.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Memandangkan program 1MalaysiaGRIP telah pun berakhir pada Disember 2016, PSMB telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan program INBASE (*Industry Based Certification Programme*) dalam usaha untuk terus meningkatkan pembangunan kompetensi tenaga kerja Malaysia. Program INBASE juga adalah merupakan salah satu inisiatif strategik menggunakan 30% *Pool Fund* yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dalam kursus persijilan dan latihan berasaskan industri serta membantu pelatih meningkatkan pembangunan kerjaya dan memperoleh pendapatan yang lebih tinggi. Persatuan Majikan yang mewakili syarikat-syarikat berdaftar dengan PSMB dijemput untuk mengemukakan kertas cadangan dan kursus-kursus yang dicadangkan akan dibentangkan di dalam *Sectorial Training Committees (STCs)* dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan (SCM) untuk kelulusan. Majikan boleh menghubungi Persatuan masing-masing untuk mencadangkan kursus-kursus yang selaras dengan keperluan industri mereka.

5. Antara inisiatif yang ditawarkan di bawah program INBASE adalah seperti berikut:

- *E&E Strategic Initiatives*
- *Logistic & Trade Facilitation Masterplan*
- *Development of Digital Talent for Industry*
- *Industry 4.0*
- *National Empowerment in Certification, Training for Next Generation for Internet (IPv6)*

- *Opportunity for Employees from Corridors to Increase Their Skills by Participating in High Value Added Industry Specific Training*

Sehingga 30 Jun 2017, seramai 1,771 orang jumlah pelatih telah diluluskan untuk program INBASE.